



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan Tetap di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

JAWATAN PENTADBIRAN

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|---------------------------|---------|------|-------------------|-------------|-------------|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| KUMPULAN PELAKSANA | | | | | |
| 1. | PEMANDU | H11 | Pemandu | RM 1,218.00 | RM 2,939.00 |

JAWATAN PENTADBIRAN

PEMANDU (H11)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (ii) Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - a. Lesen D : RM1,264.15
 - b. Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - c. Lesen F/H : RM1,356.45
 - d. Lesen G/I : RM1,402.60
 - (iii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iv) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan salinan Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ badan berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan

*Sila kemukakan semua **DOKUMEN (PDF)** melalui link seperti berikut :
<https://forms.gle/ChbXnw3bs1Q8ZdnNA>
2. Borang / dokumen yang tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.
3. Hanya pemohon - pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga. Sekiranya anda terpilih untuk ditemu duga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temu duga.
4. Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang **UiTM Cawangan Kelantan** di :
<https://kelantan.uitm.edu.my>
2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **17 JANUARI 2023 (SELASA)**
3. Sila kemukakan salinan permohonan (PDF) melalui link seperti link seperti berikut :
<https://forms.gle/ChbXnw3bs1Q8ZdnNA>



Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada :

| Bil. | Nama | No. Tel |
|------|-------------------------------|--|
| 1. | Puan Nur Liyana Mohamed Ziadi | 09-976 2068 (<i>whatsapp business</i>) |